

U GB 01-09 00158 BH259

aab

PM TIDAK PUAS HATI ISU YUGOSLAVIA, TETAPI HORMATI KEPUTUSAN

Mahathir - Yugoslavia

Oleh Zulkefli Salleh

JAKARTA, 1 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak berapa berpuas hati dengan kegagalan mesyuarat Menteri-menteri Luar Pergerakan Berkecuali (NAM) membuat keputusan berhubung taraf Yugoslavia dalam pergerakan itu.

Katanya, beliau berpendapat isu itu sepatutnya boleh diputuskan oleh pergerakan itu pada mesyuarat tersebut.

+Bagaimanapun, Malaysia menghormati kehendak majoriti dan mematuhi apa yang diputuskan mengenai isu tersebut,+ katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapannya di Sidang Puncak ke-10 NAM di sini hari ini.

Beliau merupakan pembicara terakhir pada sesi perdebatan umum yang bermula hari ini.

Malaysia, pada mesyuarat itu, meminta NAM membuat keputusan tentang keanggotaan Serbia dan Montenegro atas nama Yugoslavia dalam NAM. Ini selaras dengan pendirian Malaysia bersama negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk tidak mengiktiraf kedua-dua negeri itu sebagai pewaris keanggotaan Yugoslavia dalam NAM. -- Lagi

♥01/09/21-35MST

U GB 01-09 00161 BH260

aab

Mahathir - Yugoslavia 2 (Akhir) Jakarta

Mesyuarat Menteri-menteri Luar NAM pada Sabtu dan Ahad lepas, menengguhkan keputusan tentang keanggotaan Serbia dan Montenegro atas nama Yugoslavia dalam pergerakan itu.

Keputusan tentang itu hanya akan dibuat pada mesyuarat Menteri-menteri NAM akan datang di New York apabila Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memutuskan status Yugoslavia.

Dr Mahathir berkata Malaysia menerima keputusan itu kerana tidak mahu memanjangkan perdebatan itu setelah ianya tidak dapat mencapai kata sepakat walaupun diperdebatkan selama dua hari.

Katanya, namun begitu Malaysia tetap berpegang k'epada pendiriannya tidak mengiktiraf Serbia dan Montenegro sebagai pewaris keanggotaan Yugoslavia dalam NAM.

Ketika diminta mengulas tentang saranan di Sidang Puncak NAM supaya majlis keselamatan PBB dirombak semula, Perdana Menteri berkata hak kuasa pembatal sudah usang dan tidak sesuai lagi.

Sepatuinya harus ada suatu sistem yang memberi peluang kepada negara-negara majoriti yang selama ini suaranya tidak diambil kira, untuk menyunrakan pandangan mereka. -- Bernama